

29 MAY 1999

SELANGOR MIC LULUS LAPAN RESOLUSI

SHAH ALAM, 29 Mei (Bernama) -- Persidangan perwakilan MIC Selangor ke-53 di sini hari ini sebulat suara meluluskan lapan resolusi termasuk sokongan tidak berbelah bahagi terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

MIC Selangor menyatakan sokongan penuhnya kepada Dr Mahathir bagi membolehkan beliau meneruskan kepimpinannya untuk mengatasi pelbagai cabaran akibat kegawatan ekonomi.

Perwakilan itu juga meluluskan resolusi yang menyokong Datuk Seri S. Samy Vellu di atas usahanya meningkatkan taraf hidup masyarakat India Malaysia.

Ia juga menyatakan sokongan penuh terhadap kepimpinan Samy Vellu sebagai Presiden MIC.

MIC Selangor turut menyatakan sokongan kepada Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar di atas pembangunan pesat di negeri ini dan tindakan beliau meningkatkan masyarakat India di Selangor.

Selain itu, para perwakilan berkenaan menyokong permintaan gaji bulanan oleh para pekerja ladang, pelaksanaan skim perumahan untuk pekerja perladangan dan perlombongan, pelaksanaan kelas bahasa ibunda murid di semua sekolah menengah, kejayaan skim Koperasi Didik Bhd (Kop Didik) MIC dan cadangan penempatan kuil di dalam pelan induk daerah dan majlis perbandaran.

-- BERNAMA

KM NAK